

11/08/1998

Nafistul Mislia ceburi bidang pelancongan

Saring Siraj

MENYEDARI industri pelancongan bukan sahaja mempunyai masa depan yang cerah tetapi memberi banyak peluang kepada mereka yang berminat serta bersungguh-sungguh di bidang itu, antara faktor Nafistul Mislia Abdullah, 39, menceburi bidang itu sejak 1992.

Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari salah sebuah universiti di India kira-kira 10 tahun lalu sebelum ini mempunyai kerjaya cemerlang sebagai pengurus syarikat pengangkutan dan penghantaran di Pelabuhan Klang. Namun dia tetap dengan keputusan untuk membuka syarikat pelancongannya sendiri.

Nafis sempat menimba pengetahuan dan pengalaman khususnya dalam bidang pentadbiran dan komunikasi ketika di syarikat pengangkutan dan penghantaran itu selama kira-kira lima tahun (1988-1992).

Berbekal keyakinan, kecekalan dan ditambah dengan dorongan keluarga serta pekerja yang begitu komited, gigih dan jujur beliau menubuhkan syarikat pelancongannya Twenty First Century Travel System Sdn Bhd yang berpusat di Kuala Lumpur.

Selaku Pengarah Urusan beliau mendapati, sektor pelancongan menjanjikan peluang baik kepada mereka yang rajin dan bersungguh-sungguh melakukannya kerana ianya bukan sahaja membabitkan pasaran dalam negeri tetapi juga luar negara.

Anak keenam daripada tujuh beradik itu mendapati sektor pelancongan dapat memberinya kepuasan di samping menimba pengetahuan, pengalaman selain berintraksi dengan masyarakat.

"Banyak peluang boleh diperolehi dalam sektor pelancongan bukan sekadar membawa atau menghantar orang melancong ke dalam atau ke luar negara tetapi juga peluang perniagaan lain yang berkaitan dengan pelancongan," katanya.

Contoh katanya, dalam sektor pelancongan boleh juga membabitkan diri dalam bidang bekalan bahan makanan dalam pesawat, akuakultur dan pertanian.

Beliau berkata, syarikatnya juga membawa umat Islam menunaikan umrah dan itu adalah di antara punca pendapatan bukan sahaja syarikatnya tetapi juga syarikat lain yang dikendalikan oleh Bumiputera.

Bagi menambah pengetahuan dan pengalaman sebagai seorang usahawan beliau turut menyertai misi perdagangan yang diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Hannover, Jerman Mac lalu dan misi perdagangan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz ke Jepun, Hong Kong dan Korea pada 1993.

"Saya mengikuti misi itu bagi meninjau peluang mengembangkan kegiatan syarikat sambil mencari perniagaan lain kerana menjadi cita-cita saya untuk membuka cawangan di luar negara menerusi usaha sama," katanya.

Bagi memulakan langkah itu, beliau telah mendaftarkan syarikatnya dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor (DPMMS), Nawem dan sebagai langkah pertama telah membuka cawangan di Kuching Sarawak serta Kota Kinabalu, Sabah dan akan membuka sebuah lagi di Seremban tidak lama lagi.

Bercakap mengenai sektor itu, beliau berkata sektor pelancongan memainkan peranan penting dalam pembangunan dan sumber pendapatan negara kerana secara tidak langsung ia menjadi duta kepada negara, memperkenalkan bukan sahaja negara dan keindahan alam semulajadinya tetapi juga budaya serta cara hidup rakyatnya.

Beliau yakin, menerusi pengalamannya ke negara seperti Amerika Syarikat,

United Kingdom, Jerman, Bangladesh, Arab Saudi, Afrika Selatan, Indonesia dan Thailand, pelancong tertarik hati dengan Malaysia bukan sahaja kerana kekuatan ekonomi yang teguh tetapi keamanan serta keharmonian yang menjamin keselamatan setiap pelancong yang berkunjung ke negara ini.

"Saya pernah ditemui pelancong dari Jerman dan Perancis yang menyatakan bahawa orang Barat tidak mudah memberi senyuman kepada orang yang tidak dikenali lebih-lebih lagi orang asing seperti pelancong.

"Tetapi ianya tidak berlaku di Malaysia. Di negara ini, masyarakatnya mewah dengan senyuman," katanya.

Negara juga memiliki aset dan produk lain yang berharga serta boleh dijual kepada pelancong asing tetapi ianya memerlukan pembabitkan daripada pihak tertentu untuk meningkatkan kemudahan serta keselesaan sebagaimana dilakukan beberapa negara jiran terutama dari segi penerangan mengenai destinasi menarik negara ini.

"Usaha promosi dan menjual Malaysia di luar negara perlu dilakukan oleh mereka yang berkenaan dengan lebih serius," katanya.

Beliau yang dibantu oleh Abdul Rashid Mutalip, Azian Mahmood dan Aida Abdul Rahman bersedia memberikan pelbagai perkhidmatan dalam bidang pelancongan seperti umrah dan mengendalikan pakej lawatan dalam negeri seperti Langkawi, Pulau Perhentian, Pulau Tioman, Melaka Bandar Bersejarah, Redang, Merang, Pangkor dan lain-lain dalam waktu tidak terhad termasuk selepas waktu pejabat.

Menyedari kehadirannya dalam bidang usahawan terutama pelancongan, beliau turut menjadi ahli Persatuan Pengembaraan dan Pelancongan Bumiputera Malaysia (Bumitera) dan aktif dalam DPMMS hingga dipilih menduduki ahli jawatankuasa Biro Wanita Dewan itu serta turut menjayakan Pameran Usahawan Wanita Selangor yang berlangsung di ruang legar PKNS Shah Alam baru-baru ini.

Mereka yang ingin mendapatkan khidmat daripada 21st Century Travel System Sdn Bhd bolehlah berhubung menerusi talian 03-2942279 atau 03-2942280.

(END)